



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN NOVEMBER
BULAN KELUARGA KEBANGSAAN 2025**

LOKASI / TARIKH / MASA

**PADANG SEMARAK, TAMAN WETLAND, PUTRAJAYA
9 NOVEMBER 2025 (AHAD)
9.00 PAGI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. **Alhamdulillah**, segala puji bagi Allah S.W.T atas rahmat dan izin-Nya, kita berpeluang untuk bersama-sama dalam **Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan (BKK) 2025 yang berlangsung selama dua hari, 8 dan 9 November ini.**

2. Majlis ini lebih bermakna dengan kehadiran **Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail**, yang bukan sahaja meluangkan masa untuk bersama-sama kita, tetapi juga menjadi simbol kasih dan kepimpinan dalam memperkukuh institusi keluarga. Terima kasih saya ucapkan.

3. **Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para penaja utama seperti Genie by Getha, Siti Khadijah Group, Hurix, SuperPark Malaysia, Kalbe, Jabatan Perhutanan, Nuff Coffee, Family Well Being Sdn. Bhd., MyGee, Mara Mex dan Yayasan Kebajikan Negara. Sokongan dan sumbangan mereka amat kami hargai dalam menjayakan Sambutan BKK 2025.**

SAMBUTAN BULAN KELUARGA KEBANGSAAN 2025

4. Bertemakan “*KASIH Keluarga, Bahagia Bersama,*” sambutan ini menzahirkan komitmen Kerajaan untuk memperkukuh nilai kekeluargaan. Melalui pendekatan menyeluruh melibatkan agensi kerajaan, sektor swasta dan komuniti, pelbagai aktiviti kesejahteraan keluarga telah dilaksanakan di seluruh negara.

5. Antara tarikan utama tahun ini **termasuklah tawaran diskaun istimewa sehingga 70 peratus** oleh **Polis Diraja Malaysia (PDRM)**, **Mini Pavilion KASIH** yang menampilkan pakej perkahwinan, pameran modul akhlak, serta **pelbagai kursus keluarga oleh LPPKN.**

- 6. Pelbagai permainan dan aktiviti mesra keluarga turut diadakan bagi menggalakkan penglibatan semua lapisan masyarakat — daripada anak kecil hingga warga emas — supaya keluarga dapat meluangkan masa berkualiti bersama.**

- 7. Tahun ini juga, sambutan BKK memberi tumpuan khas kepada penglibatan bapa sebagai tonggak keluarga. Kita mahu meraikan bapa bukan sahaja sebagai penyedia, tetapi juga sebagai pelindung, pembimbing dan penyayang.**

8. **Menariknya, seramai 40 keluarga turut menyertai program bermalam di kawasan ini menggunakan campervan atau motorhome** — satu simbol kekeluargaan moden yang menekankan masa bersama, komunikasi dan pengalaman yang bermakna.

KPWKM MEMPERKASA KESEJAHTERAAN KELUARGA

Yang Amat Berbahagia Dato' Seri dan para hadirin yang saya kasihi,

9. Kita sedar dunia hari ini penuh cabaran sosial dan emosi. Oleh itu, melalui Agenda Nasional KASIH Keluarga Negara di bawah RMKe-13, KPWKM menumpukan kepada pendidikan keibubapaan dan intervensi sosial supaya setiap keluarga di Malaysia kekal seimbang dan berdaya tahan.

BELANJAWAN 2026

10. Dalam **Belanjawan 2026**, sebanyak **RM4.1 bilion** diperuntukkan kepada KPWKM bagi melaksanakan pelbagai inisiatif berimpak tinggi seperti **Program Bantuan Kesuburan dan Advokasi Infertiliti (BuAI)**, **Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI)**, pendidikan keibubapaan, serta **Agenda Nasional KASIH Keluarga Negara**._Semua program ini akan diterajui oleh LPPKN di seluruh negara.

11. Apa yang penting, setiap sen yang dibelanjakan mesti memberi makna sebenar kepada rakyat. Pengukuhan nilai kekeluargaan bukan sekadar dasar, tetapi nadi kepada kesejahteraan sosial negara.

PAKEJ KASIH MADANI 2.0

Yang Amat Berbahagia Dato' Seri, Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian,

12. Masih segar dalam ingatan, semasa pelancaran Bulan Keluarga Kebangsaan 2023, YAB Perdana Menteri telah melancarkan **Pakej KASIH MADANI** pertama — pakej pendidikan keibubapaan merangkumi empat program utama LPPKN.

13. Tahun ini, KPWKM melalui LPPKN memperkenalkan ***Pakej KASIH MADANI 2.0*** dengan tumpuan kepada hubungan suami isteri dan peranan bapa. ***Modul Romantika Cinta*** mengingatkan bahawa cinta bukan sekadar perasaan tetapi komitmen untuk belajar dan menghargai. Sementara itu, ***Modul Kebapaan*** membantu para bapa menyeimbangkan kerja dan keluarga — menjadi pelindung, pendengar dan penyayang.

PENUTUP

Yang Amat Berbahagia Dato' Seri dan hadirin yang saya kasihi,

14. Sebelum mengakhiri ucapan, saya menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk menghayati semangat “**KASIH Keluarga, Bahagia Bersama.**” Jadikan keluarga sebagai tempat kita kembali mencari kekuatan, saling menghargai dan belajar mencintai dengan sabar.

15. KPWKM bersama LPPKN akan terus memastikan tiada keluarga tercicir dalam arus pembangunan negara — kerana apabila keluarga kuat, negara turut kuat.

16. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail atas kesudian menyempurnakan perasmian Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan Tahun 2025.

17. Semoga sambutan ini — dengan pelbagai aktiviti dan penyertaan keluarga — menjadi kenangan indah yang mengingatkan kita bahawa kasih adalah bahasa sejagat yang menyatukan kita semua.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
9 Nov 2025